

KENYATAAN MEDIA

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU
JANJI DIANGGAP 'HAMPAS'**

AKHBAR : UTUSAN MELAYU

TARIKH : 26 JANUARI 2018

Pada 25 Januari 2018, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah didatangi oleh Puan Nazilah Binti Idris yang mengikut kad yang diserahkan menyatakan jawatannya selaku Timbalan Pengarah Pusat Transformasi Usahawan Selangor serta Dr. V. Sunder selaku Presiden Kelab Harmoni Selangor. Mereka telah membawa seorang pengadu yang bernama Jack Lee yang mewakili saudara beliau akan kedudukan tawaran perumahan Selangorku. Beliau telah diberi maklumbalas pada hari yang sama iaitu dokumen sokongan yang diperlukan iaitu salinan penyata KWSP sahaja yang belum diterima walaupun tawaran telah dibuat pada 19 Oktober 2017. Selagi dokumen tidak diterima maka surat tawaran tidak boleh dikeluarkan.

Mereka hanya mengemukakan 10 aduan sahaja berbanding 120 aduan yang dinyatakan dalam akhbar. Dalam 10 aduan diterima dan telah disemak serta dimaklumkan pada hari yang sama dimana :

- a) Dokumen tidak lengkap/belum dikemukakan sebanyak enam (6) aduan;
- b) Tidak layak satu (1) kerana pasangan telah memiliki rumah;
- c) Pemohon yang menolak tawaran sebanyak dua (2) orang dimana mereka telah; dinasihatkan untuk membuat rayuan supaya nama dimaklumkan dalam sistem sekiranya masih berminat akan Rumah Selangorku; dan
- d) Surat tawaran telahpun dikeluarkan pada seorang pemohon tetapi beliau memaklumkan tidak menerima, maka surat pendua dikeluarkan dan pemohon dimaklumkan akan mengambil sendiri.

Pentadbiran ini menafikan semua rekod pemohon dikatakan hilang sedangkan semakan dibuat untuk 10 aduan yang dikemukakan tidak sampai 10 minit telah dimaklumkan kepada pihak berkaitan, dari itu tidak mungkin rekod telah hilang. Didapati Encik Lee Boon Tat tidak tersenarai dalam aduan yang dikemukakan untuk semakan. Pentadbiran difahamkan beliau hanya mewakilkan saudaranya dan telah dimaklumkan dokumen lengkap belum dikemukakan. Pengarah Eksekutif sendiri telah berjumpa

dengan Puan Nazilah, Dr. V. Sunder dan Encik Jack Lee dan menerangkan proses kerja serta kekurangan dokumen yang diperlukan.

Pentadbiran ini memohon pihak pengadu mengemukakan 110 dokumen lagi yang dikatakan diterima oleh mereka diserahkan supaya semakan dapat dibuat. Pentadbiran ini juga sentiasa memberi kerjasama kepada semua pihak dalam memastikan mereka yang layak memperolehi kediaman Rumah Selangorku dan kenyataan “Berkemungkinan Wujudnya Amalan Salah Laku Atau Tadbir Urus Dalam Pengurusan Skim Perumahan Selangorku” adalah disangkal.

Disediakan oleh :
Unit Korporat & Aduan (UKA)
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor